

27.7.2024  
Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

## **SITUASI BEKALAN AIR PULAU PINANG: SILA KURANGKAN PENGGUNAAN SEHINGGA 10% SEHINGGA SEPTEMBER 2024**

- **Penggunaan air di Pulau Pinang meningkat sebanyak 10 juta liter sehari (JLH) pada Januari - Jun 2024 berbanding 2023.**
- **Taburan hujan yang rendah menyebabkan isu di empangan dan kawasan tadahan air.**
- **Paras air Sungai Muda telah menurun di bawah “paras selamat” pada Julai 2024.**

PULAU PINANG, Sabtu, 27.7.2024: PBAPP ingin merayu pengguna air Pulau Pinang untuk mengurangkan penggunaan air mereka sebanyak 10% sehingga musim hujan yang dijangka bermula pada September 2024.

Dalam tempoh Januari hingga Jun 2024, purata penggunaan air di Pulau Pinang ialah 887 juta liter sehari (JLH). Dalam tempoh yang sama pada 2023, purata penggunaan air ialah 877 JLH.

Dalam erti kata lain, penggunaan air di Pulau Pinang telah meningkat secara purata 10 JLH tahun ke tahun. 10 JLH merujuk kepada isipadu air yang boleh mengisi 6,667 botol air minuman besar 1.5L setiap hari.

### **Taburan hujan yang rendah pada tahun 2024**

Sementara itu, hujan yang rendah sejak Januari 2024 telah memberi kesan kepada operasi bekalan air di Pulau Pinang melalui cara berikut:

- **Kapasiti efektif rendah Empangan Air Itam (41.1%) dan Empangan Teluk Bahang (31.9%) pada 26.7.2024;**
- **Pengeluaran air terawat yang lebih rendah di Loji Rawatan Air Terjun (LRA) disebabkan kekurangan air mentah dari kawasan tadahan air (KTA) Air Terjun Pulau Pinang;**
- **Pengeluaran air terawat yang lebih rendah di Sungai Pinang (LRA) disebabkan kekurangan air mentah dari KTA Titi Kerawang;**

- Paras air Sungai Muda yang rendah (di bawah paras 2.0m) di muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang selama 16 hari berturut-turut sejak 11.7.2024.

Kapasiti efektif Empangan Muda yang dibina untuk melepaskan air ke Sungai Muda menjunam kepada 9.9% pada 25.7.2024. Mujurlah kapasiti efektif Empangan Beris (Kedah) berada pada 60.2% dan Kedah sedang melepaskan air ke Sungai Muda.

PBAPP juga melepaskan rizab Empangan Mengkuang Diperluas (EMD) setiap hari untuk menambah pengambilan air mentah dari Sungai Muda.

PBAPP perlu mengabstrak air mentah yang mencukupi dari Sungai Muda (dan melepaskan air daripada EMD) untuk mengekalkan operasi pengeluaran air yang optimum di LRA Sungai Dua, LRA terpenting Pulau Pinang. Air terawat daripada LRA Sungai Dua dibekalkan kepada 465,000 pengguna air di Seberang Perai dan Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pinang.

Akibatnya, terdapat isu bekalan air yang sporadik dan terputus-putus di beberapa kawasan kejiranan di Pulau Pinang.

Seperti yang diumumkan semalam, PBAPP sedang mengaktifkan pelan pengurusan krisis untuk meminimumkan kesan isu taburan hujan rendah dan memastikan Pulau Pinang mempunyai air yang mencukupi sehingga musim hujan pada September tiba.

Walau bagaimanapun, kami juga memerlukan sokongan dan kerjasama pengguna air untuk mengelakkan krisis air di Pulau Pinang dalam keadaan buruk sekarang.

### **Penggunaan domestik per kapita yang tinggi**

Sehingga Disember 2023, terdapat 593,255 pengguna air domestik berdaftar di Pulau Pinang. Pengguna-pengguna ini menyumbang 57.4% daripada jumlah keseluruhan air yang digunakan di negeri ini pada tahun 2023.

Penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang ialah 284 liter/kapita/hari (LKH) pada 2023. Purata kebangsaan ialah 237 LKH pada 2022. Di Singapura, penggunaan domestik per kapita ialah 141 LKH pada tahun 2023.

Secara purata, rakyat Pulau Pinang menggunakan lebih kurang 19.8% lebih air di rumah pada tahun 2023 daripada purata kebangsaan; dan kira-kira 101.4% lebih banyak air daripada penduduk Singapura.



## **Pengurangan 10% dalam penggunaan domestik akan menjimatkan 50 JLH**

Data PBAPP menunjukkan bahawa pengurangan 10% dalam penggunaan domestik di Pulau Pinang pada 2024 akan diterjemahkan kepada penjimatan air sebanyak 50 JLH.

Jika setiap pengguna air domestik Pulau Pinang dapat mengurangkan penggunaan air sebanyak 10%, kita akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk memastikan bekalan air mencukupi sehingga hujan tiba pada September 2024.

Sehubungan itu, saya ingin merayu kepada pengguna domestik Pulau Pinang agar kurang menggunakan air di rumah segera. Sila mainkan peranan anda untuk meminimumkan risiko krisis air di negeri kita ini pada tahun 2024.

Untuk tip-tip penjimatan air domestik, sila layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).

Pemahaman, sokongan dan kerjasama anda amatlah dihargai.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)